



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Pendidikan Muzik

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 3



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Pendidikan Muzik

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 3

Bahagian Pembangunan Kurikulum

April 2017

Terbitan 2017

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	3
Fokus.....	4
Kemahiran Abad Ke-21.....	7
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	8
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	10
Elemen Merentas Kurikulum.....	12
Pentaksiran Sekolah.....	15
Organisasi Kandungan.....	18
Bidang Ensembel Nyanyian.....	19
Bidang Ensembel Alat Muzik.....	21
Bidang Membaca dan Menulis Notasi Muzik.....	24
Bidang Penghasilan Muzik.....	29
Bidang Apresiasi Muzik.....	31
Glosari.....	33
Panel Penggubalan.....	36
Penghargaan.....	38



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur, kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak kurikulum kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Muzik merupakan program pembelajaran untuk lima tahun persekolahan di peringkat sekolah menengah. Kurikulum ini juga merupakan kesinambungan daripada program pembelajaran Pendidikan Muzik di sekolah rendah.

Pendidikan Muzik merupakan mata pelajaran yang mampu memperkembangkan aspek intelek dan emosi murid. Pengalaman yang diperoleh murid menerusi Pendidikan Muzik menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang harmonis dan saling menghormati kepelbagaian agama dan budaya. Dengan mempelajari mata pelajaran ini, murid berpeluang untuk membuat eksplorasi, persepsi dan berkomunikasi menerusi muzik. Aktiviti ini adalah pengalaman yang unik dan ia menyumbang kepada proses pembelajaran seumur hidup murid seterusnya menjadikan mereka warganegara yang berpendidikan.

Menerusi kurikulum ini, murid akan mempertingkatkan literasi terhadap muzik serta mempelajari konvensi penulisan muzik. Selain itu, murid meningkatkan kompetensi dalam penyelesaian masalah, meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dan membuat keputusan.

Dari segi perkembangan afektif, murid akan dibimbing untuk menilai dan menghayati muzik. Murid akan melalui pengalaman menulis ulasan terhadap muzik yang dikaji. Menerusi penulisan ini, murid berpeluang untuk mempamerkan pengetahuan dan kefahaman mereka terhadap ekspresi artistik dan estetik muzik. Pengalaman belajar yang dilalui murid juga memberi kesan positif terhadap pembelajaran mereka dan menjadikan mereka murid yang berdikari, bermotivasi dan berpersonaliti positif bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

MATLAMAT

KSSM Pendidikan Muzik bermatlamat membina pengetahuan, kemahiran muzik dan nilai kepada murid bagi membolehkan mereka mempunyai kesedaran dan penghargaan terhadap estetik muzik dari pelbagai genre, membina potensi diri murid dalam menghasilkan idea kreatif serta mensyukuri keindahan alam ciptaan Tuhan.

OBJEKTIF UMUM

KSSM Pendidikan Muzik bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman muzik menerusi aktiviti nyanyian.
2. Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman muzik menerusi permainan alat muzik.
3. Membaca dan menulis notasi muzik.
4. Menghasilkan karya dengan menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran muzik.
5. Memberi ulasan kritis tentang muzik yang didengar.
6. Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni menerusi aktiviti muzik.

OBJEKTIF PENDIDIKAN MUZIK TINGKATAN 3


KSSM Pendidikan Muzik Tingkatan 3 bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Menyanyikan lagu dua lapisan suara dengan pic dan dinamik yang betul mengikut tempo.
2. Menyanyikan lagu dengan teknik yang betul.
3. Memainkan alat muzik secara ensemble dengan pic dan irama yang betul berdasarkan skor.
4. Memainkan alat muzik secara ensemble dengan teknik yang betul.
5. Menama dan menulis not muzik dan tanda rehatnya, meter, not sehingga 2 garisan lejer, skel dan kord dalam klef trebel serta terminologi muzik dengan betul.
6. Mencipta melodi mudah dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran notasi muzik.
7. Memberi ulasan tentang muzik Malaysia.
8. Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni menerusi aktiviti muzik.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan

inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Pendidikan Muzik digubal berdasarkan enam tunjang kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

Kurikulum Pendidikan Muzik Sekolah Menengah memberi fokus kepada usaha untuk membangunkan murid yang berliterasi muzik. Kurikulum ini memberi tumpuan kepada 5 bidang utama iaitu Ensembel Nyanyian, Ensembel Alat Muzik, Penghasilan Muzik, Apresiasi Muzik serta Membaca dan Menulis Notasi Muzik seperti Rajah 2.



Bidang Ensembel Nyanyian

Bidang Ensembel Nyanyian memberi fokus kepada peningkatan kemahiran bernyanyi dengan teknik yang betul serta bernyanyi dengan pic dan sebutan yang betul mengikut tempo. Selain itu, murid juga berpeluang menyanyikan pelbagai genre lagu. Guru boleh memilih genre lagu yang difikirkan sesuai mengikut latar belakang budaya dan minat murid. Guru boleh memilih mana-mana ensembel vokal yang sesuai berdasarkan kepakaran mereka serta persekitaran murid dan sekolah. Jadual 1 merupakan antara cadangan ensembel vokal yang boleh dipilih oleh guru.

Jadual 1: Senarai Cadangan Ensembel Nyanyian

ENSEMBEL NYANYIAN
Duet
Koir
Kuartet
Nasyid
Trio

Bidang Ensembel Alat Muzik

Bidang Ensembel Alat Muzik memberi fokus kepada penguasaan kemahiran bermain alat muzik secara ensembel. Menerusi kurikulum ini, murid berpeluang untuk memainkan pelbagai genre lagu dengan mengaplikasikan pengetahuan membaca dan menulis notasi muzik yang telah dipelajari. Guru boleh memilih mana-mana ensembel muzik yang sesuai berdasarkan kepakaran mereka serta persekitaran murid dan sekolah. Jadual 2 merupakan antara cadangan ensembel muzik yang boleh dipilih oleh guru.

Jadual 2: Senarai Cadangan Ensembel Alat Muzik

ENSEMBEL ALAT MUZIK		
Angklung	Sape	Kulintangan
Cak Lempong	Sompoton	Muzik Asli
Dikir Barat	Gamelan	Muzik Klasik India
Dikir Rebana	Gendang Silat	Muzik Wayang Kulit
Dondang Sayang	Gendang 24 Musim	Orkestra Cina
Kibod	Ghazal	Orkestra Barat
Gitar	Hadrah	Rebana Ubi
Ensembel Buluh	Keroncong	Tumbuk Kalang
Ensembel Gong	Kombo	
Ensembel Gong Besar	Kompang	

Bidang Membaca dan Menulis Notasi Muzik

Bidang Membaca dan Menulis Notasi Muzik memberi fokus kepada aktiviti pembacaan dan penulisan notasi muzik secara konvensional. Murid juga berpeluang untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran membaca dan menulis notasi muzik semasa aktiviti nyanyian, memainkan alat muzik secara ensembel, penciptaan dan apresiasi muzik.

Bidang Penghasilan Muzik

Bidang Penghasilan Muzik memberi fokus kepada aktiviti melahirkan idea kreatif dengan menghasilkan karya seperti penciptaan melodi, corak irama dan bunyi muzikal untuk sesuatu persembahan. Menerusi bidang ini, murid juga secara langsung telah mengaplikasikan elemen-elemen kreativiti dan KBAT yang diperkenalkan dalam KSSM. Kurikulum ini juga memberi peluang kepada murid untuk mengaplikasikan semua pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari dalam bidang Nyanyian, Ensembel Muzik, Apresiasi Muzik serta Menulis dan Membaca Notasi Muzik semasa menghasilkan karya mereka. Seterusnya, murid juga berpeluang untuk mempersembahkan setiap hasil karya mereka semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Bidang Apresiasi Muzik

Bidang Apresiasi Muzik memberi fokus kepada aktiviti mendengar secara aktif muzik daripada pelbagai budaya. Menerusi bidang ini, murid diberi peluang untuk menghargai, menilai dan memberi ulasan secara kritis setiap genre muzik yang didengar atau ditonton. Setiap ulasan mereka adalah berkaitan elemen muzik, alat-alat muzik serta sejarah dan budaya sesuatu genre muzik tersebut.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 3 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Pendidikan Muzik juga turut menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 3: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 4.

Jadual 4: Tahap Pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Secara amnya, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Muzik adalah berlandaskan kepada aktiviti amali yang dilakukan secara *hands-on* seperti nyanyian, bermain alat muzik dan penciptaan. Susunan aktiviti tersebut boleh diubah suai semasa guru merancang pengajaran murid. Guru adalah digalakkan untuk merangka pengajaran yang menggabungkan beberapa bidang dalam kurikulum untuk pembelajaran murid. Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh digunakan dalam merangka pengajaran bagi mencapai standard pembelajaran yang ditetapkan. Pendekatan tersebut merupakan strategi guru bagi mencapai objektif pengajaran yang dirancang. Antara pendekatan yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Muzik adalah seperti berikut:

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan satu kaedah PdP berpusatkan murid yang melibatkan pertanyaan dan rasa ingin tahu di mana murid mencari jawapan melalui pemerhatian, hipotesis, mengumpul data, pengukuran, menterjemah dan membina rumusan. Inkuiri juga merupakan proses PdP yang menggalakkan penyiasatan masalah, penerokaan dan penemuan untuk mendapatkan maklumat serta pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu tugas yang dijalankan. Dalam konteks Pendidikan Muzik, murid mempelajari apresiasi muzik dari pelbagai budaya. Dalam proses pembelajaran mereka, pelbagai persoalan yang ditimbulkan oleh murid akan muncul seperti, “Apakah alat muzik yang digunakan dalam muzik ini?”, “Mengapa muzik ini kedengaran seperti mempunyai pengaruh Timur Tengah?”, dan sebagainya. Guru mengarahkan murid untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan mereka menerusi pelbagai sumber seperti internet dan kajian lalu di perpustakaan. Murid akan kembali ke kelas dengan maklumat yang diperolehi untuk dikongsikan.

Pembelajaran Berasaskan Masalah

Pendekatan pembelajaran berasaskan masalah boleh dijalankan bagi menambah kefahaman murid tentang apa yang dipelajari dalam Pendidikan Muzik. Guru berperanan sebagai fasilitator di mana beliau akan duduk bersama-sama murid untuk membentuk suatu persoalan permasalahan atau isu, kemudian menstruktur tugas yang relevan bagi menyelesaikan persoalan tersebut. Guru juga membimbing murid daripada aspek perkembangan pengetahuan dan kemahiran sosial dan akhir sekali mentaksir apa yang telah dipelajari murid menerusi pengalaman pembelajaran tersebut. Contoh persoalan atau isu ialah, “Adakah muzik boleh menyatukan masyarakat?” atau “Mengapakah masyarakat Cina di Melaka boleh menyanyikan lagu Dondang Sayang?”

Pendekatan Bertema

Dalam pendekatan bertema guru boleh merangka pengajaran dengan menggunakan pelbagai tema bagi membantu murid menguasai ilmu dengan membuat perkaitan secara kontekstual terhadap tema yang digunakan. Contoh tema yang boleh digunakan ialah Rumahku, Dunia Di Sekelilingku dan Dunia Muzikku.

Pendekatan Antara Disiplin

Pendekatan antara disiplin membolehkan guru merangka pengajaran dengan menggabungkan pengajaran muzik dengan disiplin ilmu yang lain. Sebagai contoh, guru boleh mengajar nyanyian yang mempunyai lirik mengenai penjagaan kesihatan diri. Dengan ini, murid akan mendapat ilmu tentang teknik nyanyian berserta ilmu menjaga kesihatan diri.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - (ii)Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
 - (iii)Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
 - (iv)Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cinta akan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui pengubahsuaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran Abad Ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.
- Aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperolehi dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran.

Pentaksiran Pendidikan Muzik

Pengajaran dan pembelajaran perlu dinilai keberkesanannya. Pencapaian murid dinilai untuk mengetahui kadar penerimaan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran muzik yang diajar. Perkara ini memerlukan aktiviti penilaian yang dilakukan semasa atau di penghujung aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Tahap pencapaian ini mestilah dinyatakan dengan jelas dan menjadi landasan yang kukuh kepada guru untuk melanjutkan aktiviti pembelajaran pada tahap yang lebih tinggi.

Pendidikan Muzik merupakan mata pelajaran yang memberi penumpuan yang besar kepada aspek amali seperti penguasaan kemahiran bernyanyi, memainkan alat muzik dan penciptaan. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran banyak berlaku secara *hands on* dalam bilik darjah. Oleh itu, pentaksiran tidak semestinya dalam bentuk penulisan murid tetapi boleh dijalankan secara pemerhatian. Sebagai contoh, untuk menilai keupayaan memahami konsep pic dan dinamik, guru boleh menilai pemahaman elemen tersebut secara pemerhatian semasa murid melakukan aktiviti bernyanyi atau memainkan alat muzik ketika aktiviti PdP.

Apa yang penting, semua pemerhatian guru terhadap aktiviti murid perlu direkodkan dalam borang pemerhatian atau senarai semak. Oleh yang demikian, guru hendaklah bijak merancang dengan teliti kaedah yang sesuai untuk menilai murid bagi memastikan penilaian yang relevan dan menepati tujuan.

Standard Prestasi Pendidikan Muzik

Standard Prestasi Pendidikan Muzik diwujudkan untuk guru menentukan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran ini. Standard Prestasi ini mengandungi 6 Tahap Penguasaan yang merangkumi aspek kognitif, psikomotor dan nilai seperti pada Jadual 5. Tahap Penguasaan ini disusun secara hierarki bermula pada Tahap Penguasaan 1 yang menunjukkan penguasaan terendah sehingga penguasaan tertinggi iaitu Tahap Penguasaan 6.

Tahap Penguasaan Keseluruhan

Tahap penguasaan keseluruhan perlu ditentukan bagi memberi satu nilai tahap penguasaan murid di akhir sesi persekolahan. Tahap penguasaan keseluruhan ini merangkumi domain psikomotor, kognitif dan afektif murid secara holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran murid secara berterusan melalui pelbagai kaedah. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk memberi satu nilai tahap penguasaan keseluruhan murid berdasarkan pengalaman guru bersama-sama murid, kebijaksanaan serta melalui perbincangan rakan sejawat. Tahap penguasaan keseluruhan diberi selepas murid mempelajari bidang-bidang yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Muzik.

PERNYATAAN TAHAP PENGUASAAN UMUM PENDIDIKAN MUZIK

Pernyataan tahap penguasaan umum Pendidikan Muzik sebagai rujukan kepada guru untuk menilai prestasi murid adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5: Pernyataan Tahap Penguasaan Umum Pendidikan Muzik

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> Mengetahui pengetahuan dan kemahiran asas muzik.
2	<ul style="list-style-type: none"> Memahami pengetahuan dan kemahiran asas muzik.
3	<ul style="list-style-type: none"> Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam aktiviti muzik.
4	<ul style="list-style-type: none"> Menganalisis karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik. Mempamerkan etika persembahan dan nilai murni dalam aktiviti muzik.
5	<ul style="list-style-type: none"> Menilai karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik. Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam aktiviti muzik.
6	<ul style="list-style-type: none"> Menjana idea kreatif dalam pengkaryaan muzik yang inovatif. Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam aktiviti muzik.

ORGANISASI KANDUNGAN

KSSM Pendidikan Muzik disusun berasaskan lima bidang dengan pemberatan kurikulum seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Pemberatan Kandungan Kurikulum Pendidikan Muzik

BIDANG DALAM PENDIDIKAN MUZIK	PEMBERATAN KANDUNGAN KURIKULUM
Ensembel Nyanyian	25%
Ensembel Alat Muzik	30%
Penghasilan Muzik	20%
Apresiasi Muzik	10%
Membaca dan Menulis Notasi Muzik	15%

Nota: Peruntukan waktu minimum bagi mata pelajaran ini ialah 32 jam setahun.

Susunan bidang-bidang ini tidak mengikut hierarki. Susunan ini bertujuan untuk memudahkan kandungan kurikulum diorganisasikan dalam dokumen ini. Guru boleh memulakan pengajaran tanpa terikat dengan mana-mana susunan bidang. Guru juga boleh menggabungkan jalin kandungan antara bidang kurikulum.

Setiap bidang mempunyai tiga lajur utama iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi seperti Jadual 7.

Jadual 7: Organisasi kandungan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Dalam organisasi kandungan, terdapat lajur Catatan. Lajur ini mengandungi cadangan aktiviti dan nota. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai Standard Pembelajaran.

1.0 BIDANG ENSEMBEL NYANYIAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.1 Bernyanyi Secara Ensemble	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Bernyanyi lagu dua lapisan suara dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) pic yang betul. (ii) dinamik yang betul. (iii) tempo yang betul. <p>1.1.2 Bernyanyi dengan teknik yang betul:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) lontaran suara (<i>voice projection</i>). (ii) sebutan huruf konsonan. (iii) penghasilan ton. <p>1.1.3 Bernyanyi dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran nyanyian.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan menyanyi dengan sebutan bunyi huruf vokal dan konsonan. • Latihan pernafasan. • Latihan mengajuk pic atau frasa melodi yang didengar.

STANDARD PRESTASI ENSEMBEL NYANYIAN

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mempamerkan pengetahuan dan kemahiran asas nyanyian.
2	Mempamerkan kefahaman tentang pengetahuan dan kemahiran asas nyanyian.
3	Bernyanyi dengan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran muzik.
4	Menganalisis karya muzik dan menzahirkannya dalam nyanyian.
5	Menentukan penggunaan elemen muzik yang sesuai dalam nyanyian.
6	Menjana idea kreatif dalam nyanyian.

2.0 BIDANG ENSEMBEL ALAT MUZIK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensemble	<p>Murid boleh:</p> <p>2.1.1 Memainkan alat muzik secara ensemble berdasarkan skor dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) teknik yang betul. (ii) pic yang betul. (iii) ton yang baik. (iv) irama yang betul. <p>2.1.2 Memainkan alat muzik dengan keseimbangan bunyi yang sesuai.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan ensemble adalah berdasarkan kepakaran guru dan prasarana sekolah. • Contoh teknik bermain alat muzik: <ul style="list-style-type: none"> - postur - penjarian - pernafasan - perlidahan - <i>embouchure</i> - <i>bowing</i> • Bagi alat muzik yang tidak berpik, maka elemen pic tidak perlu diambil kira.



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>2.1.3 Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam aktiviti permainan alat muzik:</p> <p>(i) sebelum, semasa dan selepas latihan.</p> <p>(ii) sebelum, semasa dan selepas persembahan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Contoh nilai murni <ul style="list-style-type: none"> - bertanggungjawab - toleransi, - menghormati ketua. • Disiplin individu: <ul style="list-style-type: none"> - membuat latihan sendiri untuk memahirkan skor lagu yang diterima - mematuhi arahan ketua - memastikan alat muzik dalam keadaan yang baik. • Latihan etika persembahan perlu dipraktikkan sepanjang aktiviti permainan alat muzik di dalam kelas.


STANDARD PRESTASI ENSEMBEL ALAT MUZIK



STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> Mempamerkan pengetahuan dan kemahiran asas bermain alat muzik.
2	<ul style="list-style-type: none"> Mempamerkan kefahaman tentang pengetahuan dan kemahiran asas bermain alat muzik.
3	<ul style="list-style-type: none"> Bermain alat muzik dengan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran muzik.
4	<ul style="list-style-type: none"> Menganalisis karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran ensembel alat muzik. Mempamerkan etika persembahan dan nilai murni dalam aktiviti muzik.
5	<ul style="list-style-type: none"> Menentukan penggunaan elemen muzik yang sesuai dalam aktiviti ensembel alat muzik. Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam aktiviti muzik.
6	<ul style="list-style-type: none"> Menjana idea kreatif dalam aktiviti ensembel alat muzik. Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam aktiviti muzik serta menjadi contoh kepada rakan.

3.0 BIDANG MEMBACA DAN MENULIS NOTASI MUZIK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
3.1 Notasi Muzik	<p>Murid boleh:</p> <p>3.1.1 Membaca dan menulis not muzik serta tanda rehat mengikut nilai:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) minim bertitik. (ii) semi kuaver. <p>3.1.2 Menulis meter $\frac{3}{8}$ dengan menekankan aspek berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) maksud angka pada meter $\frac{3}{8}$. (ii) garis bar. (iii) pengumpulan not dan tanda rehat. 	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan mendengar dan menepuk nilai not yang dimainkan. • Latihan melengkapkan corak irama berdasarkan meter yang diberi. • Latihan mengaplikasikan terminologi muzik dan arahan persembahan yang dipelajari dalam aktiviti muzik.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>3.1.3 Menerangkan maksud terminologi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <i>mezzo piano</i> (<i>mp</i>). (ii) <i>mezzo forte</i> (<i>mf</i>). (iii) <i>adagio</i>. (iv) <i>staccato</i> (v) <i>legato</i> <p>3.1.4 Menerangkan maksud dan menulis arahan persembahan pada skor muzik.</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Akhiran 1,2 (ii) Tanda frasa <p>3.1.5 Membaca, menulis dan menganalisis not dalam klef trebel sehingga 2 garisan lejer.</p> 	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan mendengar dan mengajuk pic yang dimainkan. • Latihan menulis not dalam klef trebel <p>Contoh:</p> 



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>3.1.6 Menulis skel dalam klef treble secara menaik dan menurun dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) F major (1 oktaf) (ii) D minor harmonik (1 oktaf) (iii) C pentatonik (1 oktaf) <p>3.1.7 Mengenal pasti dan membezakan skel major dan minor.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan menyanyikan skel secara <i>humming</i> atau sebutan 'la'. • Latihan menulis skel pada baluk. <p>Contoh: skel D minor harmonik menaik</p> 

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>3.1.8 Menulis kord primer dalam kedudukan perdu dalam nada: (i) F major (ii) D minor</p> <p>3.1.9 Mengenal pasti dan membezakan kord major dan kord minor.</p> <p>3.1.10 Mengaplikasikan pengetahuan membaca dan menulis notasi dalam aktiviti muzik.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan menulis kord primer pada baluk. <p>Contoh:</p> <p>a. kord primer dalam nada F major</p>  <p>b. kord primer dalam nada D minor</p> 

STANDARD PRESTASI MEMBACA DAN MENULIS NOTASI MUZIK

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan perkara asas membaca dan menulis notasi muzik.
2	Menerangkan pengetahuan dan kemahiran asas membaca dan menulis notasi muzik.
3	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran notasi dalam aktiviti muzik.
4	Menganalisis skor mudah dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran notasi muzik.
5	Merancang dan menentukan cara penulisan muzik yang betul dalam penyediaan skor muzik.
6	Menjana idea kreatif untuk membentangkan kefahaman tentang notasi muzik.

4.0 BIDANG PENGHASILAN MUZIK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.1 Pengkaryaan Muzik	<p>Murid boleh:</p> <p>4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada C major menggunakan:</p> <p>(i) Meter $\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$</p> <p>(ii) jenis not </p> <p>(iii) tanda rehat </p> <p>4.1.2 Merancang dan membuat persembahan hasil ciptaan.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan mengajuk melodi yang didengar. • Latihan mengimprovisasi 'jawapan' kepada 'soalan' melodi yang didengar. • Persembahan dijalankan di dalam kelas dalam kumpulan kecil.

STANDARD PRESTASI BIDANG PENGHASILAN MUZIK

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengenal corak irama dan bunyi yang didengar.
2	Mengajuk corak irama dan bunyi yang didengar.
3	Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran muzik untuk menghasilkan karya.
4	Menjana dan memilih idea dalam menghasilkan karya muzik.
5	Mengimprovisasi idea dalam penghasilan karya muzik.
6	Mencipta dan mempersembahkan karya muzik.

5.0 BIDANG APRESIASI MUZIK



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.1 Penghayatan Muzik Daripada Pelbagai Genre.	<p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Menganalisis dan memberi pendapat tentang muzik Malaysia yang didengar dari aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) genre muzik. (ii) latar belakang muzik. (iii) alat muzik. (iv) fungsi muzik. (v) cara persembahan. (vi) elemen muzik. <ul style="list-style-type: none"> a. irama b. melodi c. ekspresi <p>5.1.2 Merancang dan membentangkan ulasan muzik.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mendengar atau menonton persembahan muzik dan mengadakan perbincangan. • Mendapatkan maklumat tambahan daripada pelbagai sumber. Contoh: <ul style="list-style-type: none"> - media cetak - Internet - penggiat seni • Membuat ulasan dalam bentuk: <ul style="list-style-type: none"> - laporan ringkas - folio • Latihan membuat pembentangan dalam kelas.

PENTAKSIRAN BIDANG APRESIASI MUZIK

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan muzik yang didengar.
2	Menerangkan muzik yang didengar.
3	Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran muzik dalam mengulas karya.
4	Menganalisis karya muzik menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik.
5	Menilai karya muzik menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik.
6	Menganalisis dan membuat perbandingan dua karya muzik dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik.

GLOSARI

PERKATAAN	PENERANGAN															
Aktiviti Muzik	Aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran muzik. Contoh : Bernyanyi dan bermain alat muzik.															
<i>Bowing</i>	Teknik bermain alat bertali dengan menggunakan bow. Contoh: <i>violin, viola, cello</i> dan <i>double bass</i>															
Dinamik (<i>Dynamic</i>)	Perubahan bunyi sama ada kuat atau lembut dalam persembahan muzik. Antara istilah yang digunakan ialah :															
	<table border="1" data-bbox="741 778 1890 1034"> <thead> <tr> <th data-bbox="741 778 1126 826">Istilah</th> <th data-bbox="1126 778 1509 826">Simbol</th> <th data-bbox="1509 778 1890 826">Makna</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="741 826 1126 874"><i>Piano</i></td> <td data-bbox="1126 826 1509 874"><i>p</i></td> <td data-bbox="1509 826 1890 874">Bunyi lembut</td> </tr> <tr> <td data-bbox="741 874 1126 922"><i>Forte</i></td> <td data-bbox="1126 874 1509 922"><i>f</i></td> <td data-bbox="1509 874 1890 922">Bunyi kuat</td> </tr> <tr> <td data-bbox="741 922 1126 970"><i>Mezzo Piano</i></td> <td data-bbox="1126 922 1509 970"><i>mp</i></td> <td data-bbox="1509 922 1890 970">Bunyi sederhana lembut</td> </tr> <tr> <td data-bbox="741 970 1126 1034"><i>Mezzo Forte</i></td> <td data-bbox="1126 970 1509 1034"><i>mf</i></td> <td data-bbox="1509 970 1890 1034">Bunyi sederhana kuat</td> </tr> </tbody> </table>	Istilah	Simbol	Makna	<i>Piano</i>	<i>p</i>	Bunyi lembut	<i>Forte</i>	<i>f</i>	Bunyi kuat	<i>Mezzo Piano</i>	<i>mp</i>	Bunyi sederhana lembut	<i>Mezzo Forte</i>	<i>mf</i>	Bunyi sederhana kuat
Istilah	Simbol	Makna														
<i>Piano</i>	<i>p</i>	Bunyi lembut														
<i>Forte</i>	<i>f</i>	Bunyi kuat														
<i>Mezzo Piano</i>	<i>mp</i>	Bunyi sederhana lembut														
<i>Mezzo Forte</i>	<i>mf</i>	Bunyi sederhana kuat														
<i>Embouchure</i>	Teknik bibir atau mulut ketika memainkan alat tiupan.															
Ensembel (<i>Ensemble</i>)	Kumpulan. Contoh: Koir, Orkestra, Kumpulan Kompang, Nasyid															
Fungsi muzik	Tujuan atau kegunaan sesuatu muzik itu dimainkan atau dipersembahkan. Contohnya, hiburan, perubatan, keagamaan dan membangkitkan semangat.															

PERKATAAN	PENERANGAN
Irama	<p>Pergerakan bunyi muzikal yang terhasil daripada gabungan bunyi panjang dan pendek.</p> <p>Contoh irama: </p>
Kord primer	<p>Kord asas dalam sesuatu nada.</p> <p>Contoh : Nada C major - kord primer : I, IV dan V (C major, F major dan G7) Nada A minor - kord primer : i, iv dan V (A minor, D minor dan E major)</p>
Lapisan suara	<p>Lapisan melodi berlainan pic yang dimainkan atau dinyanyikan bersama-sama dengan melodi utama.</p>
<i>Legato</i>	<p>Lancar/licin.</p>
Melodi (<i>melody</i>)	<p>Pergerakan bunyi muzikal yang terhasil daripada gabungan bunyi tinggi dan rendah dengan bunyi panjang dan pendek.</p> <p>Contoh melodi: </p>

PERKATAAN	PENERANGAN
Muzik Malaysia	Muzik yang diamalkan oleh masyarakat yang terdapat di Malaysia seperti kaum Cina, India, Iban dan Kadazan. Contoh: Gendang 24 musim, Kulintangan dan Ensembel Buluh.
Muzik Tradisional Malaysia	Muzik yang berteraskan budaya Melayu (Dasar Kebudayaan Kebangsaan). Contoh: Ghazal, Dondang Sayang, rentak Zapin dan rentak Inang.
Perlidahan (<i>Tonguing</i>)	Teknik tiupan menggunakan lidah untuk mengawal penghasilan ton bagi alat-alat tiupan.
Pic (<i>Pitch</i>)	Bunyi tinggi, rendah dan sederhana.
Postur (<i>Posture</i>)	Kedudukan atau posisi tubuh badan yang betul semasa menyanyi atau bermain alat muzik.
Skor Muzik (<i>Music Score</i>)	Notasi muzik sesuatu lagu.
<i>Staccato</i>	Tersekat-sekat/terputus-putus. Memainkan sesuatu not dengan memendekkan nilainya kepada separuh.
Tempo (<i>Tempo</i>)	Kelajuan muzik.

PANEL PENGGUBALAN

1. Bakhtiar bin Mohd Salleh Bahagian Pembangunan Kurikulum
2. Faridah binti Ramly Bahagian Pembangunan Kurikulum
3. Nor Azman bin Mohd. Ramli Universiti Pendidikan Sultan Idris
4. Mohamad Isa bin Ramlan IPG Kampus Islam
5. Mohd Fazil bin Musa IPG Kampus Islam
6. Abdul Halim bin Abd Wahab SMK Perimbun, Bangi, Selangor
7. Amir Hamzah bin Nordin SMK Inderapura, Jerantut, Pahang
8. Lee Chai Huat SMK Tuanku Abdul Rahman, Nibong Tebal, Pulau Pinang
9. Lee Soo Mei @ Jake Lina Lee SMK Indahpura, Kulaijaya, Johor
10. Wan Nur Zamrud binti Shamsudin SMK Shahbandaraya, Klang Selangor

TURUT MENYUMBANG

1. Mohd. Fairuz bin Mhd. Zahidi Bahagian Pembangunan Kurikulum
2. Siti Musfirah bte Md. Hashim Bahagian Pembangunan Kurikulum
3. Hazlifhadiahana Binti Rosli Bahagian Pembangunan Kurikulum
4. Hasnul Hadi bin Ahmad Lembaga Peperiksaan
5. Prof. Madya Dr. Ramona bte Mohd Tahir Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor (UiTM)
6. Yusri bin Hussein IPGM Kampus Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur
7. Lim Choon Fah SMK. Iskandar Shah, Jasin, Melaka
8. Ling Chin Ngor SMK. Ayer Keroh, Melaka
9. Ridzlina bte Riduan SMK. Dato' Haji Mohd Redza, Seremban, N.Sembilan
10. Tee Sheau Yin SMK. Seri Pagi, Seremban, N.Sembilan
11. Wan Mazni binti Wan Abdul Hamid SMK. Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur
12. Zanariah bte Abu Zahar SMK. Senaling, Kuala Pilah, N.Sembilan

PENGHARGAAN**Penasihat**

Dr. Sariah binti Abd. Jalil	Pengarah
Rusnani binti Mohd Sirin	Timbalan Pengarah (Kemanusiaan)
Datin Dr. Ng Soo Boon	Timbalan Pengarah (STEM)

Penasihat Editorial

Mohamed Zaki bin Abd. Ghani	Ketua Sektor
Haji Naza Idris bin Saadon	Ketua Sektor
Dr. Rusilawati binti Othman	Ketua Sektor
Mahyudin bin Ahmad	Ketua Sektor
Mohd Faudzan bin Hamzah	Ketua Sektor
Mohamed Salim bin Taufix Rashidi	Ketua Sektor
Paizah binti Zakaria	Ketua Sektor
Hajah Norashikin binti Hashim	Ketua Sektor



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4 - 8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>